

Terima surat anugerah

Ireka Corporation Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Ireka Engineering & Construction Sdn Bhd (IECSB) memperoleh surat anugerah daripada Transmission Technology Sdn Bhd untuk pelaksanaan projek pembangunan hartanah bernilai RM232.747 juta.

Menerusi kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, ia berkata pakej projek pembangunan itu akan merangkumi kerja pembinaan bangunan pejabat dan hotel di Lot 203, Seksyen 72 (Lot G), Kuala Lumpur.

"Antara lain, bangunan pejabat itu akan merangkumi pembinaan dua menara yang mana setiap satunya akan memiliki ketinggian 27 dan 37 tingkat," katanya sambil menambah projek terbaru itu dijangka akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan, mulai tahun kewangan berakhir 31 Mac ini.